



NS

MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 34
No. 16

2hb Ogos 1990

TAMBAHAN No. 53
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 410.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

KADAR TAHUNAN YANG DISATUKAN 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 127 dan 163 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Dato' Bandar Kuala Lumpur, dengan kelulusan Perdana Menteri, telah mengenakan bagi tahun 1990 kadar tahunan yang disatukan yang ditunjukkan dalam Jadual ke atas semua tanah dan ke atas semua bangunan yang baginya seksyen 163 dipakai di dalam kawasan-kawasan tertentu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditunjukkan dalam Jadual. *Akta 171.*

2. Pemberitahuan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990. *Mula berkuatkuasa.*

JADUAL

- (i) Di dalam kawasan-kawasan yang berwarna biru dalam Pelan No. JPPH. 1/1990.

Kadar yang disatukan sebanyak tiga belas peratus daripada nilai tahunan tanah-tanah dan bangunan-bangunan itu.

- (ii) Di dalam kawasan-kawasan yang berwarna coklat dalam Pelan No. JPPH. 1/1990.

Kadar yang disatukan sebanyak empat peratus daripada nilai tahunan tanah-tanah dan bangunan-bangunan itu.

P.U. (B) 417.**AKTA PAMPASAN PEKERJA 1952****PERLETAKHAKAN KUASA-KUASA**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 3 Akta Pampasan Pekerja 1952, Menteri Sumber Manusia telah mengisytiharkan bahawa Pegawai-Pegawai Buruh yang tersebut dalam Jadual diletakhak dengan semua kuasa yang diberi kepada, dan tugas yang ditanggungkan ke atas, Pesuruhjaya oleh Akta itu mulai dari 1hb Januari 1990. Akta 273.

WORKMEN'S COMPENSATION ACT 1952**VESTING OF POWERS**

IN exercise of the powers conferred by subsection (1) of section 3 of the Workmen's Compensation Act 1952, the Minister of Human Resources has declared that the Labour Officers mentioned in the Schedule be vested with all the powers conferred, and duties imposed upon, the Commissioner by the Act with effect from the 1st January 1990. Act 273.

JADUAL/SCHEDULE

Encik Ramlee bin Marahaban.

Encik Ramlee bin Abdullah.

Encik Narawi bin Haji Ahmad.

Encik Mursalim bin Tanjul.

Encik Rahman bin Mintek.

[KSM. Sulit 32/1/2/3/19/2 Jld. 2; PN. (PU²) 296 II.]

P.U. (B) 418.**AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (4) seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, Dewan Rakyat dalam persidangannya pada 20hb Jun 1990 telah membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambahkan ke dalam Jadual tersebut butiran baru yang berikut: Akta 61.

“Kumpulanwang Amanah Tabung Skim Biasiswa Sukan Persekutuan”.

Bertarikh pada 13hb Julai 1990.

[BS (17.00) 202/27; PN. (PU²) 220.]

DATO' HAJI WAN ZAHIR BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN,
Setiausaha Dewan Rakyat

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957

Act 61.

In exercise of the powers conferred by subsection (4) of section 10 of the Financial Procedure Act 1957, the Dewan Rakyat at its sitting on the 20th June 1990 resolved that the Second Schedule to the said Act be amended by adding thereto the following new item:

“Federal Sport Scholarship Scheme Trust Fund”.

Dated the 13th July 1990.

[BS (17.00) 202/27; PN. (PU²) 220.]

DATO' HAJI WAN ZAHIR BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN,
Clerk to the House of Representatives